

dadah, bohsia, samseng jalan raya, dan pergaulan bebas merupakan isu berulang selain isu baharu yang tiba-tiba muncul.

Malaysia memerlukan pelapis belia yang berwibawa, berwawasan, dan kompeten untuk terus memperkasakan negara merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial. Dalam bidang sains dan teknologi, Malaysia memerlukan teknokrat, doktor, ahli farmasi, jurutera, arkitek, dan saintis untuk terus meneroka kreativiti dan inovasi. Dalam bidang kepimpinan, Malaysia memerlukan pemimpin pelapis yang berkebolehan untuk memacu negara ke puncak wawasan. Dalam bidang pendidikan, belia hari ini merupakan

calon guru, penyarah, dan penyelidik untuk terus membina jaringan pelajar yang cerdas dalam semua aspek. Keseimbangan pembinaan belia dengan pembangunan fizikal negara akan menjadikan Malaysia tidak mudah diganggu gugat oleh anasir luar. Jatuhnya belia hari ini merupakan permulaan titik gelap tamadun negara pada masa hadapan.


Cabaran utama dalam konteks semasa ialah media digital, android dan dunia tanpa sempadan. Antara media sosial yang menjadi pilihan belia termasuklah facebook, youtube, twitter, instagram, blog, whatsapp, line, dan telegram. Internet tidak boleh disekat kerana terdapat banyak

manfaat yang dapat digali. Banyak usahawan internet dalam kalangan belia menggunakan media siber untuk mempromosikan produk masing-masing. Sistem pendidikan Malaysia juga banyak menggunakan pembelajaran teradun yang bermaksud campuran pembelajaran mod dalam talian dan mod bersemuka. Sistem pembelajaran tidak lagi hanya berpaksikan penyampaian bercorak tradisional. Kewujudan whatsapp lebih memudahkan perhubungan antara pelajar dan penasihat akademik (PA) untuk berbincang perihal akademik. Bagi sesetengah institusi, banyak penyarah menggunakan facebook sebagai alat sokongan pembelajaran.

Namun begitu, penggunaan media sosial yang keterlaluan memberikan impak negatif yang sangat besar kepada belia. *Utusan Malaysia* 30 Mac 2016 memetik laporan laman web www.coolinfographic.com bahawa 33.4 peratus pengguna menonton youtube untuk video permainan, 18.9 peratus untuk hiburan, 14.3 peratus untuk Blog/Vlog, 9.8 peratus untuk sukan, 6.9 peratus untuk filem dan animasi, 4.3 peratus untuk muzik, empat peratus untuk komedi, 3.6 peratus untuk berita dan politik, 2.8 peratus untuk pembelajaran dan dua peratus untuk tutorial.

Lihatlah jumlah peratus pengguna menggunakan media ini untuk tujuan mendapatkan ilmu berbanding untuk hiburan. Internet dan media sosial sering terdedah kepada pelbagai jenis penyalahgunaan, termasuklah pencerobohan (*intrusion*), penipuan (*fraud*), penggodam (*hacker*), dan gangguan siber (*harrassment*).

Keburukan lain media sosial ialah ketidaktepatan maklumat, virus, penyebaran bahan tidak bermoral, pembaziran masa, dan obses atau ketagihan. Remaja yang ketagih laman sosial cenderung untuk tidak bergaul dengan masyarakat. Mereka lebih gemar untuk berkurung dalam bilik daripada bermain di padang bersama-sama kawan. Mereka lebih mengutamakan laman sosial daripada menggunakannya untuk tujuan akademik. Penyebaran bahan yang



bersifat separa lucah juga menjadikan remaja cenderung untuk terjebak ke kancah yang tidak sepatutnya.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, ada pelajar yang leka dengan telefon pintar sehingga mengabaikan pensyarah yang sedang mengajar. Nilai moral dan akhlak semakin tipis, longgar dan terhakis. Barangkali inilah cabaran terbesar belia pada hari ini. Sifat media sosial yang terbuka menjadikan mereka bebas menyuarakan pendapat atau komen tanpa berfikir panjang akan kesannya. Mereka lebih gemar berkongsi viral negatif berbanding ilmu yang bermanfaat.

Cabaran seterusnya sudah pasti berkaitan dengan pemikiran dan budaya. Sistem gaya hidup moden menjadikan remaja dan belia mudah terpengaruh dengan pemikiran dan budaya yang dapat menghancurkan


jati diri bangsa Malaysia. Pemikiran ekstrem dalam kalangan remaja sudah pasti akan memberikan impak besar kepada isu keselamatan dan ekonomi. Misalnya, remaja dan belia sekarang lebih mempercayai pemikiran radikal sehingga dapat memecahbelahkan keharmonian masyarakat dan negara.

Antara pemikiran yang dapat membahayakan masyarakat termasuklah liberalisme dan komunisme. Pemikiran ini akan dibawa masuk secara halus sehingga menyebabkan remaja yang cetek ilmunya sangat mudah terpengaruh. Liberalisme, misalnya, merupakan pemikiran yang mengarah kepada konsep keterbukaan dan kebebasan mentafsirkan agama daripada belunggu tafsiran lama. Kumpulan militan Negara Islam pula sudah menggunakan media sosial untuk merekrut dan menyebarkan ideologi bagi mendapatkan penyokong di seluruh dunia, termasuk

Malaysia. Hal ini sudah pasti merupakan hal yang serius.

Cabaran seterusnya ialah faktor ekonomi. Kenaikan kos sara hidup yang begitu mendadak sangat memberikan kesan kepada belia. Bagi mahasiswa yang masih menuntut di universiti awam atau swasta, atau mana-mana institusi pengajian tinggi awam atau swasta, sudah pasti kos hidup akan sedikit banyak mengganggu kehidupan mereka. Hal ini termasuklah untuk tujuan pembayaran yuran pengajian, kolej kediaman, pembelian buku rujukan dan perbelanjaan harian. Tidak semua pelajar berpeluang mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, biasiswa kerajaan negeri, MARA dan Petronas. Akhirnya, mereka terpaksa mencari alternatif lain untuk menambatkan duit poket.

Hal yang sama akan berlanjutan selepas mereka tamat belajar. Kos sara



Zaman sekarang serba mencabar bagi remaja dan belia. Hanya remaja dan belia yang berpegang pada kesantunan diri dan moral yang tinggi mampu menyekat diri daripada terjebak ke kancah keruntuhan yang dapat membahayakan diri sendiri.

hidup masih membelenggu selain tahap kebolehpasaran graduan yang tidak menentu. Selepas tamat belajar, antara pilihan yang ada termasuklah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, berkhidmat dengan sektor awam, bekerja di sektor awam atau menjadi usahawan. Namun begitu, kadang-kadang peluang kerjaya yang terhad menjadikan lebih banyak pelajar menganggur. Kadar pengangguran yang tinggi sudah pasti membawa masalah sosial yang lain pula. Antara faktor utama kes pengangguran dalam kalangan graduan termasuklah kelulusan yang mereka ada tidak sesuai dengan kehendak pasaran. Graduan juga lemah dari segi penampilan diri dan komunikasi selain terlalu memilih kerjaya. Graduan yang berhempas-pulas belajar di menara gading sudah pasti menginginkan kerjaya yang setimpal dengan kelulusan mereka.

Mereka memerlukan pekerjaan yang baik untuk meneruskan kelestarian hidup, termasuklah mendirikan rumah tangga, memiliki aset seperti tempat tinggal yang selesa, serta kenderaan untuk berulang-alik ke tempat kerja. Perbelanjaan lain yang perlu ditanggung termasuklah ansuran kereta, bil elektrik, bil air, talian telefon dan internet, minyak kenderaan, tol, dan belanja persekolahan anak-anak.

Gaya hidup moden turut memberikan kesan besar kepada belia. Nilai kekeluargaan semakin pudar dan longgar. Di bandar, ibu bapa keluar awal pagi untuk mencari rezeki. Mereka pulang lewat malam. Mereka tidak lagi menjadikan ibu bapa sebagai idola, sebaliknya artis menjadi tokoh ikutan. Hampir kesemua gaya hidup ditiru, termasuklah pakaian dan fesyen rambut. Kebanjiran rancangan realiti televisyen turut merancakkan lagi budaya hedonisme dalam kalangan belia. Corak

hiburan melampau sudah pasti sedikit banyak menghakis budaya Melayu yang diwarisi zaman-berzaman. Drama televisyen yang diangkut daripada novel popular juga menjejaskan budaya ketimuran yang sepatutnya dipegang secara kukuh dalam jiwa belia.

Zaman sekarang serba mencabar bagi remaja dan belia. Hanya remaja dan belia yang berpegang pada kesantunan diri dan moral yang tinggi mampu menyekat diri daripada terjebak ke kancah keruntuhan yang dapat membahayakan diri sendiri. Akhirnya, remaja dan belia perlu sentiasa sedar bahawa bukan lama lagi mereka akan hidup, tetapi tujuan mereka hidup. Yang penting, mereka perlu ada pegangan diri yang kukuh untuk terus berada dalam acuan pemodenan yang semakin pesat. Keutuhan tamadun negara pada masa hadapan bergantung pada belia pewaris negara pada hari ini. 